



# Pelan Antirasuah Organisasi 2024 - 2029

Kumpulan Syarikat Central Spectrum (M) Sdn Bhd

*Cetakan*



**Hak Cipta Terpelihara**  
**Central Spectrum (M) Sdn Bhd**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Integriti, Governans & Pengurusan Risiko Central Spectrum (M) Sdn Bhd dahulu.

**Diterbitkan Oleh:**

Jabatan Integriti, Governans & Pengurusan Risiko  
No. 7, Jalan Perigi Nanas 8/6, Indah Point, Pulau Indah  
42920 Pelabuhan Klang  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

**Cetakan pertama 2024**



**“USAHA BANTERAS  
ISU RASUAH  
KEKAL MENJADI  
KEUTAMAAN  
KERAJAAN”**

**Y.A.B Datuk Seri Anwar Ibrahim  
Perdana Menteri Malaysia**

*Sumber : Ucapan dalam Berita RTM  
26/09/2024*



*Perutusan*

## **PENGERUSI AHLI LEMBAGA PENGARAH CSSB**

Y.B. Dato' Setia Haji Haris bin Kasim



Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Pada hari yang penuh bersejarah ini untuk meraikan satu pencapaian penting dalam perjalanan Central Spectrum (M) Sdn Bhd ("CSSB") - pelancaran Buku Pelan Antirasuah Organisasi bagi Kumpulan Syarikat CSSB. Ini adalah satu pencapaian yang bukan sahaja menandakan komitmen kita terhadap prinsip integriti dan ketelusan, tetapi juga usaha berterusan kita untuk memerangi rasuah di setiap lapisan organisasi.

Buku ini merupakan hasil daripada kerjasama dan usaha yang gigih daripada semua pihak yang merangkumi prinsip-prinsip dan strategi-strategi utama yang akan memacu kita dalam usaha untuk mencipta persekitaran kerja yang bebas rasuah.

Dengan pelancaran buku ini, kita bukan sahaja melancarkan dokumen, tetapi kita melancarkan satu era baru di mana setiap individu di dalam organisasi mempunyai panduan yang jelas tentang bagaimana kita akan memastikan etika dan integriti menjadi teras dalam segala tindakan kita.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam penyediaan buku OACP ini. Usaha dan dedikasi anda telah menjadikan pencapaian ini suatu kenyataan. Semoga buku ini menjadi instrumen yang berkesan dalam memacu kita ke arah kejayaan yang lebih besar, lebih berintegriti dan lebih beretika.



*Perutusan*

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
Kumpulan Syarikat CSSB**

YBrs. Tuan Mohd Zapi bin Abdullah

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Hari ini kita telah melakar sejarah penting dengan pelancaran Buku Pelan Antirasuah Organisasi bagi Kumpulan Syarikat Central Spectrum (M) Sdn Bhd dan syarikat milikan CSSB iaitu Urbancubes Sdn Bhd. Ini adalah suatu inisiatif penting dan penuh makna bagi menandakan komitmen teguh kita terhadap integriti dan tadbir urus yang baik dalam setiap aspek operasi syarikat kita.

Rasuah bukan sahaja merupakan pelanggaran undang-undang tetapi juga merosakkan kepercayaan dan nilai-nilai teras yang kita pegang. Oleh yang demikian, kita perlu beroperasi dengan cara lebih cekap, berintegriti dan beretika. Pelan antirasuah ini juga adalah alat kita untuk memastikan bahawa kita sentiasa mematuhi standard tertinggi dalam semua tindakan kita.

Buku pelan ini merangkumi dasar antirasuah yang jelas dan terperinci, serta prosedur yang komprehensif. Ini adalah panduan kita untuk mengenalpasti, mengelakkan dan menangani sebarang bentuk rasuah. Dasar ini akan memastikan bahawa setiap individu dalam organisasi memahami peranan dan tanggungjawab mereka dalam mengekalkan integriti dan etika yang tinggi.

Kita semua mempunyai tanggungjawab dan komitmen yang sama dalam memastikan pelan antirasuah ini berjaya dilaksanakan. Ini juga adalah tanggungjawab kita untuk memastikan setiap tindakan kita mencerminkan nilai-nilai yang kita pegang dan visi yang ingin kita capai.



## *Ringkasan Ucapan*

### **PENGERUSI JAWATANKUASA OACP**

En. Yusnizam bin Yusof



Assalamualaikum & Salam Sejahtera,

Pelan Antirasuah Organisasi ("OACP") ini dibangunkan seiring dengan komitmen Kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Objektif utama OACP Kumpulan Syarikat Central Spectrum (M) Sdn Bhd ("CSSB") adalah:

- Mengenalpasti dan meneliti isu dan risiko operasi Syarikat serta memantau keberkesanan dalam Pelan Tindakan;
- Mewujudkan dan menekankan kepentingan fungsi Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko (JIGPR) dalam CSSB;
- Menguatkuasa dan mempertingkatkan proses pemantauan secara berkala serta mekanisma kawalan ke atas tingkah laku kakitangan syarikat;
- Mengamalkan dan memastikan tahap integriti semua pegawai ditahap tertinggi;
- Membudayakan sikap Bebas Rasuah dikalangan semua kakitangan syarikat melalui program dan aktiviti antirasuah secara berkala dan proaktif.

Pelan Tindakan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada kemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemerkasaan pencegahan rasuah. Bagi menjayakan pelaksanaan ini, aspek-aspek seperti penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) dalam operasi syarikat, perubahan polisi, mewujudkan mekanisma pemantauan yang lebih efektif dan pemantapan modal insan perlu diberi keutamaan.



# Kandungan

## **Bahagian 1: Pengenalan CSSB**

Profil Korporat Kumpulan Syarikat CSSB  
Struktur Tadbir Urus  
Struktur Korporat

---

1

## **Bahagian 2: Pengenalan OACP**

Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023  
Pengenalan OACP Kumpulan Syarikat CSSB

---

10

## **Bahagian 3: OACP CSSB**

Kerangka OACP CSSB  
Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan  
Mekanisma Penyelarasan dan Penilaian

---

20

## **Bahagian 4: Penutup**

---

44



# Profil Korporat

Kumpulan Syarikat Central Spectrum (M) Sdn Bhd





## Latar Belakang CSSB

Central Spectrum (M) Sdn Bhd ("CSSB") ialah sebuah syarikat pembangunan hartanah Malaysia yang beribu pejabat di Pulau Indah, Selangor. Ditubuhkan pada tahun 1994, CSSB terkenal dengan kejayaan dalam membangunkan pembangunan campuran seperti taman industri dan perumahan. CSSB bercita-cita untuk membangunkan Pulau Indah menjadi sebuah pulau yang progresif dan moden yang menampilkan banyak peluang perniagaan dan kehidupan.

CSSB adalah anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dengan pemegang saham oleh:

- i. Kumpulan Hartanah Selangor Berhad - 76.67%, dan
- ii. Detik Jalur Sdn Bhd - 23.33%



### *Visi*

Mencipta destinasi untuk komuniti



### *Misi*

Membina produk berkualiti yang inovatif dan menjaga alam sekitar





Dengan lebih 300 ekar tanah, Taman Perindustrian SBB (“SBBIP”) Presint 1 menawarkan ruang industri yang memenuhi keperluan industri dan perniagaan yang sentiasa berubah. Kemudahan akses infrastruktur menyediakan ekonomi dan faedah operasi yang mewujudkan persekitaran yang optimum untuk julat yang pelbagai bagi aktiviti perindustrian termasuk:

- Pusat Pengedaran
- Pusat Pemprosesan dan Loji Pembungkusan
- Penyelesaian Pembungkusan
- Operasi Logistik
- Pembuatan Makanan (F&B)

Fasa 1A SBBIP Presint 1 adalah fasa pembangunan yang pertama dan telah berjaya disiapkan dan diserahkan kepada pembeli pada April 2024 dengan 39 dari 40 lot tanah industri telah berjaya dijual,

# Portfolio CSSB



Pembangunan Taman Perindustrian Pulau Indah (“PIIP”) yang telah dibangunkan dalam tiga (3) fasa bertujuan untuk menyediakan peluang untuk pemimpin industri mengembangkan perniagaan mereka dengan memanfaatkan kelebihan strategik di Pulau Indah.

Sehingga kini, lebih daripada 500 syarikat telah beroperasi dalam PIIP termasuk nama terkenal seperti FFM Berhad, Kontena Nasional Berhad, Megalift Sdn Bhd, UMW Corporation Sdn Bhd, Mewah Oil Sdn Bhd, Scientax Film Packaging Sdn Bhd, Tri-Mode (M) Berhad dan peruncit perabot terbesar di dunia IKEA Supply (Malaysia) Sdn Bhd.

PIIP Fasa 3 dibahagikan kepada tiga sub fasa dengan PIIP Fasa 3A dan Fasa 3C telah habis dijual. Manakala Fasa 3B yang mempunyai 20 lot tanah industri sedang dalam kerja-kerja pembangunan infrastruktur di mana 17 dari 20 lot telah berjaya dijual sehingga kini.




PULAU INDAH  
**Selangor**  
**HalalHub**  
MALAYSIA



Selangor Halal Hub (“SHH”) adalah suatu langkah strategik CSSB bagi mewujudkan zon yang ditetapkan untuk pengeluaran, pembuatan dan pemrosesan produk Halal bagi pasaran global. Terletak di PIIP Fasa 2, SHH berkeluasan 1000 ekar telah menjadikan salah satu pembangunan paling menonjol yang terus menarik pelaburan serta menjadikan Selangor sebagai destinasi pilihan utama bagi perdagangan halal global.






## Nilai Teras CSSB



### **KEKUATAN**

Kami mencapai kejayaan dengan menolak sempadan, berfikir secara kreatif menghasilkan idea dan penyelesaian inovatif yang bijak



### **KERJA BERPASUKAN**

Kami memanfaatkan dan bersinergi pada kekuatan kakitangan CSSB dan sejajar dengan visi dan misi syarikat



### **KEBERTANGGUNGJAWABAN**

Kami berpegang teguh pada tingkah laku beretika dan profesional untuk menetapkan standard integriti tertinggi



### **BERTANGGUNGJAWAB**

Kami mengambil berat terhadap masyarakat dan alam sekitar

# Ahli Lembaga Pengarah CSSB



**Y.B. Dato' Setia Hj. Haris Kasim**  
Pengerusi Lembaga Pengarah CSSB  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor



**Tuan Ts. Saipolyazan M. Yusop**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)



**Puan Hjh. Rahana Abdullah**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Hartanah Selangor Berhad



**Tuan Adam Malik Dato' Azlan**  
Pengarah



**YBhg. Dato' Kamarul Baharin Abbas**  
Pengarah



**Y.B. Tuan Azmizam Zaman Huri**  
Pengarah



## *Pengurusan CSSB*



**Tuan Mohd Zapi Abdullah**  
Ketua Pegawai Eksekutif CSSB



**En. Amran Abdul Wahab**  
Ketua Jabatan Kewangan  
dan Pelaburan



**En. Juned Mustafa**  
Ketua Jabatan Pembangunan



**En. Zukarnine Shah Zainal Abidin**  
Ketua Jabatan Penjualan, Pemasaran  
dan Komunikasi Korporat



**En. Shamsul Zahrin Sulaiman**  
Ketua Jabatan Sumber Manusia,  
Pentadbiran, IT dan Undang-undang



**En. Noor Azhuril Adnan**  
Ketua Jabatan Pembangunan  
Perniagaan

*Ahli Lembaga Pengarah  
Urbancubes Sdn Bhd*



**YBhg. Dato' Mohd Yazid Sairi**

Pengerusi Lembaga Pengarah USB  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri  
Selangor (Pengurusan)



**Puan Hjh. Rahana Abdullah**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Hartanah Selangor Berhad



**Tuan Mohd Zapi Abdullah**

Ketua Pegawai Eksekutif CSSB







# Pengenalan OACP

**PELAN  
ANTIRASUAH**  
*Organisasi*

## *Pengenalan kepada OACP*



Pelan Antirasuah Organisasi ("OACP") merupakan satu inisiatif dalam Pelan Antirasuah Nasional ("NACP") yang dirangka oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional ("GIACC") dan telah dilancarkan dengan rasminya pada 29 Januari 2019 oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah. Semua Ketua Unit Integriti ("KUI") memainkan peranan penting sebagai sekretariat bagi membangunkan dan melaksanakan OACP diperingkat kementerian, jabatan dan agensi masing-masing.

Selaras dengan NACP, OACP adalah satu alat penting dalam memerangi rasuah dan telah dinyatakan sebagai salah satu Objektif Strategik dalam NACP di bawah inisiatif 6.2.1 yang mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (SOEs), Syarikat Berhad Menurut Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan pengawalseliaan untuk membangunkan OACP ini.

Malah OACP juga merupakan kesinambungan inisiatif daripada Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) sebagai alat pengurusan yang digunakan untuk menangani isu-isu risiko rasuah dan mewujudkan sistem pengurusan yang telus dalam menyokong nilai integriti.




## *Polisi Antirasuah CSSB*

CSSB sangat komited untuk menjalankan tadbir urus korporat yang bertanggungjawab dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan keperluan lain dalam segala operasi syarikat.

CSSB berkomitmen penuh untuk menanamkan budaya antirasuah yang kuat dan komited sepenuhnya untuk mematuhi undang-undang rasuah sebagaimana yang termaktub dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (“SPRM”) 2009.

Oleh yang demikian, Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko CSSB telah mewujudkan Polisi Antirasuah dan Penyelewengan, Edisi Pertama pada tahun 2022 bagi membendung jenayah rasuah dan membudayakan amalan bebas rasuah di kalangan kakitangan CSSB. Polisi ini telah diadaptasi daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Polisi ini terpakai kepada semua kakitangan CSSB, ejen, kontraktor, sub-kontraktor, perunding, rakan niaga dan pihak-pihak berkepentingan lain yang mempunyai urusan atau berkaitan dengan CSSB atau mana-mana anak syarikat milik CSSB.



# Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023

## KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI)

Tahun	Skor <sup>1</sup>	Ranking
2019	53	51
2020	51	57 ↓
2021	48	62 ↓
2022	47	61 ↓
2023	50	57 ↑

Peningkatan  
3 mata dari  
tahun 2022

Nota: Skala 0 hingga 100 mata dari 180 negara  
Sumber: Transparency International Malaysia

### KEBERSAMAAN DALAM MEMBANTERAS RASUAH




Isu rasuah adalah tanggungjawab bersama. Pembenterasan rasuah memerlukan komitmen penuh daripada setiap peringkat. Sekiranya pemilikan (*ownership*) isu rasuah dan tanggungjawab membanteras jenayah tersebut hanya diberikan kepada SPRM, sasaran untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-25 dalam Indeks Persepsi rasuah (CPI) dalam tempoh 10 tahun lagi tidak akan tercapai.

Pelikan ucapan Datuk Seri Norazlan bin Mohd Razali,  
Timbalan Ketua Pengeraja (Pencegahan) SPRM  
@ Masyarakat Kelua Unit Integriti (KUI) Agensi Awam Sini 6 Bli, 1 Tahun 2023  
sempena Konvensyen Integriti, Tadris Urus dan Antirasuah 2023 (KITA 2023), Sabah



*Pelan Antirasuah Nasional  
2019 - 2023*




**PUNCA RASUAH  
DIKENALPASTI  
MELALUI SESI  
LIBAT URUS  
BERSAMA  
KEMENTERIAN/  
JABATAN/BADAN  
BERKANUN (%)**

- Sumber SPRM 2024:  
Aduan diterima oleh SPRM - Sesi  
libat urus dengan agensi-agensi  
Kerajaan

**PERSEPSI UMUM  
MENGENAI RASUAH  
MENGIKUT KEGIATAN  
BERBEZA (%)**

- Sumber: Universiti Sains Islam Malaysia 2024 - Pembangunan Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS). Pandangan dan pengalaman terhadap isu rasuah, integriti dan tatakelola di Malaysia. Kaji Selidik Nasional 2023



# **Pengenalan Pelan Antirasuah Organisasi CSSB**



## *Keperluan Pembangunan OACP Bagi CSSB*

Central Spectrum (M) Sdn Bhd telah mendapatkan bimbingan daripada Jabatan Integriti dan Governans dari Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) pada 22 Februari 2022 yang mana telah dihadiri oleh semua ketua-ketua jabatan CSSB.

Atas dasar keperluan yang sangat penting, Ketua Pegawai Eksekutif telah membentangkan keperluan mewujudkan Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko ("JIGPR") kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah CSSB dan seterusnya mendapatkan kelulusan.


Sehubungan dengan itu, JIGPR ditubuhkan bagi membangunkan polisi-polisi integriti dan governans, seterusnya mendokong inisiatif Kerajaan bagi keperluan membangunkan Pengurusan Risiko Rasuah ("CRM") dan Pelan Antirasuah Organisasi ("OACP").

Pelaksanaan OACP ini akan dapat membuka mata semua pihak yang terlibat sama ada dari pihak pengurusan, kakitangan dan semua pemegang taruh serta pihak-pihak yang berkepentingan dengan CSSB mengenai betapa pentingnya penerapan ke arah disiplin yang tinggi dan menitikberatkan proses operasi yang berintegriti dan bebas rasuah.







# Garis Masa Pembangunan OACP



*Jawatankuasa OACP*



# Kerangka OACP CSSB



# *Kerangka OACP CSSB*

## **VISI**

Menjadi peneraju dalam memerangi rasuah untuk mencipta organisasi yang telus, adil, dan berintegriti.

## **MISI**

Memperkasakan prinsip tadbir urus yang baik, berintegriti, dan sifar rasuah dengan meningkatkan kecekapan dan ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan warga kerja Kumpulan Syarikat CSSB.

## **MATLAMAT**

- Membentaras segala bentuk rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan secara berterusan serta memupuk persekitaran berintegriti dan tingkah laku yang beretika digalakkan dan dikekalkan dalam kalangan pekerja.
- Membangunkan persekitaran kerja yang kondusif dan penyampaian perkhidmatan yang cekap, amanah, dan berintegriti.

# *Kerangka OACP CSSB*

## **Bidang Keutamaan & Strategi**

1

### **INTEGRITI**

Mempertingkatkan tahap integriti dan etika kerja dalam melaksanakan tugas

2

### **KEWANGAN**


Memperkasakan pematuhan kepada peraturan dalam semua urusan kewangan

3

### **GOVERNANS**

Memperkukuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat

# Kerangka OACP CSSB



# Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



## Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



### STRATEGI 1

Mempertingkatkan tahap integriti dan etika kerja dalam melaksanakan tugas.

### OBJEKTIF STRATEGI 1

Mewujudkan budaya kerja berintegriti dan bebas rasuah.

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Mewujudkan proses integrity vetting di kalangan pegawai baharu yang akan dilantik dalam urusan kelulusan permohonan pembangunan	Integriti, Governans & Pengurusan Risiko	2025
2	Wujudkan kawalan dalaman iaitu memerlukan 2 orang wakil dalam rundingan bersama mengenai sesuatu tanah tersebut.	Pembangunan Perniagaan	2025
3	Menyediakan memo dalaman secara berkala (quarterly) bagi 'Peringatan Peraturan Berkaitan Pematuhan Waktu Bekerja Bagi Kakitangan Kumpulan Syarikat CSSB'.	Sumber Manusia	2025 - 2029
4	Mewujudkan mekanisma pelaporan tatatertib kakitangan kepada Jabatan Sumber Manusia bagi melaporkan sebarang tindakan tidak wajar kakitangan dalam waktu operasi syarikat.	Integriti, Governans & Pengurusan Risiko	2024 - 2026



# Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



## STRATEGI

1

Mempertingkatkan tahap integriti dan etika kerja dalam melaksanakan tugas.

## OBJEKTIF STRATEGI

2

Memperkemas dan menambahbaik secara berkala ke atas aktiviti dengan menerapkan elemen integriti yang bersepadu.

### PELAN TINDAKAN

### PELAKSANA

### TEMPOH MASA

5

Menambahbaik prosedur kawalan tindakan kesalahan tatatertib dalam buku terma kakitangan CSSB dengan memperincikan jenis-jenis kesalahan dan tindakan punitif yang lebih berkesan.

Sumber Manusia

2024 - 2026

## Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



### STRATEGI 1

Mempertingkatkan tahap integriti dan etika kerja dalam melaksanakan tugas.

### OBJEKTIF STRATEGI 3

Memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah dalam entiti korporat.

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
6	Melaksanakan program/aktiviti kesedaran berkenaan Integriti sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun	Integriti, Governans & Pengurusan Risiko	2024 - 2029
7	Melaksanakan program/aktiviti pementapan komunikasi yang melibatkan Ketua-ketua Jabatan dan Ketua Pegawai Eksekutif	Sumber Manusia	2025 - 2029
8	Melaksanakan program/aktiviti kesedaran secara berterusan mengenai kepentingan melaporkan sebarang salahlaku rasuah dan salah guna kuasa melalui saluran yang tepat bagi mendapatkan perlindungan Akta Pemberi Maklumat 2010 Akta SPRM 2009.	Integriti, Governans & Pengurusan Risiko	2025 - 2029

# Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



## STRATEGI

2

Memperkasakan pematuhan kepada peraturan kewangan dalam semua urusan.

## OBJEKTIF STRATEGI

4

Memastikan ketelusan dalam proses kewangan.

### PELAN TINDAKAN

### PELAKSANA

### TEMPOH MASA

9

Melakukan semakan Audit dalam/ pemeriksaan mengejut (Random Spot Check) oleh Ketua Jabatan / Penyelia sekurang-kurangnya sekali (1) kali setahun

Jabatan Kewangan dan Pelaburan

2025 - 2029

10

Mewujudkan SOP Pemilihan & Penilaian Bank : Sediakan jadual kriteria bank yang ingin dipilih

Jabatan Kewangan dan Pelaburan

2025 - 2029

## *Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan*



**STRATEGI 2**

Mempertingkatkan tahap integriti dan etika kerja dalam melaksanakan tugas.

**OBJEKTIF STRATEGI 5**

Memastikan daya tahan terhadap ancaman rasuah dalam entiti korporat.

	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>PELAKSANA</b>	<b>TEMPOH MASA</b>
<b>11</b>	Memperkuuhkan mekanisme pemantauan bagi segala maklumat yang disalurkan oleh pegawai kepada pihak ketiga dengan menggunakan satu emel umum yang digunakan di Bahagian Kewangan.	Jabatan Kewangan dan Pelaburan	2025 - 2029

# Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



## STRATEGI

3

Memperkuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

## OBJEKTIF STRATEGI

6

Mewujudkan tadbir urus yang cekap.

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
12	Mewujudkan Polisi Integrity Pact	Integriti, Governans & Pengurusan Risiko	2025
13	Mewujudkan SOP Tuntutan Bayaran: Menyediakan Laporan / Borang Semakan secara bulanan bagi tuntutan bayaran dan hasil kerja yang telah siap	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan (USB)</li> <li>Pembersihan Awam (USB)</li> </ul>	2025
14	Mewujudkan SOP Perancangan Penggantian Kakitangan (Staff Succession Planning): (Wujudkan kriteria calon yang bersesuaian)	Sumber Manusia	31 Disember 2024
15	Mengadakan sesi pengenalan dan perkongsian ke atas Pematuhan SOP Perolehan	Sumber Manusia / Pentadbiran	2025

## Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



**STRATEGI** **3**

Memperkukuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

**OBJEKTIF STRATEGI** **6**

Mewujudkan tadbir urus yang cekap.

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
16	Mewujudkan SOP Pembaikan & Penyelenggaraan	Teknologi Maklumat (IT)	31 Disember 2024
17	Mewujudkan SOP Perolehan bagi pelantikan Pembekal untuk Jabatan IT: i) Mewujudkan mekanisme Semak dan Imbang (Check & Balance) ii) Mewujudkan Laporan / Borang Penilaian Pembekal IT	Teknologi Maklumat (IT)	2025
18	Mewujudkan Laporan / Borang Semakan secara bulanan untuk pepadanan dan perbandingan rekod transaksi pembayaran yang dilakukan.	Undang-undang	2025
19	Mewujudkan mekanisme Semak dan Imbang (Check & Balance) dalam proses meluluskan tuntutan fi guaman	Undang-undang	2025

# Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



## STRATEGI

3

Memperkukuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

## OBJEKTIF STRATEGI

6

Mewujudkan tadbir urus yang cekap.

### PELAN TINDAKAN

### PELAKSANA

### TEMPOH MASA

20	Mewujudkan SOP Perolehan: (Proses pelantikan panel peguam)	Undang-undang	31 Julai 2025
21	Mewujudkan SOP baru untuk proses kelulusan permohonan daripada jabatan Kerajaan	Pembangunan Perniagaan	2025
22	Wujudkan kawalan dalaman — Pemantauan berkala melalui laporan secara bulanan	Pembangunan Perniagaan	2024 - 2029
23	Mewujudkan SOP dalaman bagi proses mendapatkan tanah.	Pembangunan Perniagaan	2025

## Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



**STRATEGI** **3**

Memperkuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

**OBJEKTIF STRATEGI** **6**

Mewujudkan tadbir urus yang cekap.

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
24	Mewujudkan SOP Perlantikan Pembekal	Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi	2025
25	Mewujudkan proses Pembuat & Penilai (Maker & Checker) dalam proses meluluskan pembayaran.	Kejuruteraan (USB)	2025
26	Mewujudkan mekanisme Semak dan Imbang (Check & Balance) dalam proses penerimaan barang pembekalan.	Kewangan dan Khidmat Korporat (USB)	2025
27	Mewujudkan mekanisme Semak dan Imbang (Check & Balance) dengan mewujudkan Laporan/Borang Semakan dalam proses perakuan kerja oleh kontraktor.	Kesihatan, Keselamatan, Pengawal Keselamatan & Persekitaran (HSSE) & Logistik (USB)	2025



# Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



## STRATEGI

3

Memperkukuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

## OBJEKTIF STRATEGI

6

Mewujudkan tadbir urus yang cekap.

### PELAN TINDAKAN

### PELAKSANA

### TEMPOH MASA

<b>28</b>	Mewujudkan SOP Skim Lantikan Kontraktor	Kesihatan, Keselamatan, Pengawal Keselamatan & Persekitaran (HSSE) & Logistik (USB)	2025 - 2026
<b>29</b>	Mewujudkan laporan bulanan pemeriksaan pengawal keselamatan yang bertugas & berdaftar	Kesihatan, Keselamatan, Pengawal Keselamatan & Persekitaran (HSSE) & Logistik (USB)	2025
<b>30</b>	Mewujudkan SOP Penyimpanan Rekod dengan menyediakan Laporan / Borang pemantauan secara bulanan oleh Pengurus Bahagian dalam proses memastikan pemfailan dokumen yang betul.	Perancang dan Pembangunan Perniagaan (USB)	2025

## Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



### STRATEGI

3

Memperkuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

### OBJEKTIF STRATEGI

7

Memantapkan keberkesanan tadbir urus.

### PELAN TINDAKAN

### PELAKSANA

### TEMPOH MASA

<b>31</b>	Menambahbaik Polisi dan Prosedur Kerja (QSP) "CSSB/QSP/FA/HR/001 Staff Recruitment" & "SOP Staff Recruitment": (Penambahbaikkan Borang Pengambilan & Pemilihan Pekerja)	Sumber Manusia	31 Disember 2024
<b>32</b>	Menambahbaik SOP bagi pelantikan ejen hartanah: Menggunakan mekanisme Semak dan Imbang (Check & Balance) dalam proses pelantikan ejen hartanah.	Jualan dan Pemasaran	2025 - 2026
<b>33</b>	Menambahbaik SOP Perolehan: Wujudkan Laporan/ Borang Semakan secara bulanan berkaitan nilai sebutharga.	Jualan dan Pemasaran	2025 - 2026
<b>34</b>	Mewujudkan mekanisme Semak dan Imbang (Check & Balance) dengan mewujudkan Laporan/Borang Semakan dalam proses perakuan kerja oleh kontraktor.	Jualan dan Pemasaran	2025 - 2026

# Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



**STRATEGI** **3**

Memperkuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

**OBJEKTIF STRATEGI** **7**

Memantapkan keberkesanan tadbir urus.

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
35	<p>Menambahbaik Polisi dan Prosedur Kerja (QSP) "CSSB/QSP/PT/PL/006 – Preparation of Tender and Award: Tender Policy &amp; Guidelines"–</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan Borang Pengesahan Pemilihan Tender yang disahkan oleh Ketua Jabatan bagi proses pemilihan penender.</li> <li>Mewujudkan Deklarasi oleh pegawai yang terlibat dalam proses tender untuk menjaga kerahsiaan maklumat tender/perolehan.</li> </ul>	Pembangunan	2024 - 2025
36	Menambahbaik Polisi dan Prosedur Kerja (QSP) – Wujudkan mekanisme Semak dan Imbang (Check & Balance) bagi Pengesahan tambahan dari pihak ketiga untuk setiap tuntutan.	Pembangunan	2024 - 2025
37	Menambahbaik dalam SOP Handling of Variation Order Approval Procedure bagi kelulusan Variation Order (VO)	Perolehan dan Kontrak (USB)	2025

## Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



### STRATEGI

3

Memperkukuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

### OBJEKTIF STRATEGI

7

Memantapkan keberkesanan tadbir urus.

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
38	Menambahbaik SOP Appointment of Sub-Contractor bagi: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prosedur perolehan/tatacara pelantikan kontraktor</li> <li>• Terma rujukan Jawatankuasa Pelantikan (termasuk ahli jawatankuasa bebas)</li> </ul>	Perolehan dan Kontrak (USB)	2025
39	Menambahbaik SOP Pembersihan Awam (Public Cleansing) pada bahagian pengurusan Work Order	Pembersihan Awam (USB)	2025
40	Menambah baik SOP perolehan dengan tambahan tindakan kawalan dalam pemeriksaan kerja oleh kontraktor	Kesihatan, Keselamatan, Pengawal Keselamatan & Persekitaran (HSSE) & Logistik (USB)	2025

# Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



## STRATEGI

3

Memperkukuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.

## OBJEKTIF STRATEGI

7

Memantapkan keberkesanan tadbir urus.

### PELAN TINDAKAN

Penambahbaikan SOP Landskap:

- Pegawai Penyelia perlu lakukan pemeriksaan mengejut ke kawasan penyelenggaraan.
- Mewujudkan mekanisme Semak dan Imbang (Check & Balance) dengan mewujudkan Laporan/Borang Semakan secara bulanan bagi perakuan proses kerja di tapak.

### PELAKSANA

Landskap (USB)

### TEMPOH MASA

2025

41

## Keutamaan Strategi & Pelan Tindakan



### STRATEGI

3

Memperkukuhkan tatakelola yang lebih bersistematik ke arah kemajuan syarikat.


### OBJEKTIF STRATEGI

8

Merekayasa ke arah tadbir urus yang telus.

	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
42	Menyediakan Laporan Kemajuan Proses Permohonan yang perlu disemak dan diluluskan oleh Ketua Jabatan	Pembangunan Perniagaan	2025
43	Melakukan Audit dalam / pemeriksaan mengejut [Random Spot Check] oleh Ketua Jabatan /Penyelia sebanyak sekurang-kurangnya satu (1) Kali bagi kemajuan kelulusan pembangunan tersebut	Pembangunan Perniagaan	2025 - 2029
44	Menyediakan Laporan Kemajuan Proses Mendapatkan Tanah yang perlu disemak dan diluluskan oleh Ketua Jabatan	Pembangunan Perniagaan	2025
45	Melakukan pemantauan tapak secara mengejut (Random Spot Check) sebanyak sekurang-kurangnya satu (1) kali bagi sebelum proses pembayaran dilakukan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejuruteraan (USB)</li> <li>Pembersihan Awam (USB)</li> </ul>	2025 - 2029

# Mekanisma Penyelarasan & Penilaian



## Mekanisme Pelaksanaan OACP

Pelaksanaan OACP dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara pihak Pengurusan CSSB, ketua-ketua jabatan, kakitangan pelbagai jawatan dan pemegang taruh untuk memastikan inisiatif antirasuah dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien.

Jawatankuasa Pembangunan OACP ditubuhkan berdasarkan Arahan Y.A.B Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 - Pemantapan Governans, Integriti dan Anti Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.



2 tahap Struktur Pentadbiran Operasi Kumpulan Syarikat CSSB

Kedua-dua tahap ini memberi tumpuan kepada tugas-tugas penilaian risiko rasuah, pengabsahan dasar dan penyelesaian, pelaksanaan program dan aktiviti serta pemantauan dan penilaian prestasi.

Pengurusan CSSB hendaklah memastikan kebolehlaksanaan OACP di setiap jabatan diperkukuhkan dengan tindakan berikut:

1. Koordinasi, memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP;
2. Memastikan setiap pelan tindakan dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan; dan
3. Membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat Pengurusan Kanan, BIRMC dan Mesyuarat ALP CSSB





## *Penyediaan Laporan Pencapaian Pelaksanaan OACP*

1

Jawatankuasa OACP perlu menyediakan laporan perkembangan dalam pelaksanaan OACP kepada Pengurusan Kanan dua(2) kali setahun dengan mengambil tindakan berikut:

- Menyediakan laporan tahap pelaksanaan setiap inisiatif dan dilaksanakan mengikut tempoh ditetapkan;
- Mengemaskini dan memantau inisiatif yang dilaksanakan di peringkat Jabatan.

2

Pembentangan Laporan Perkembangan dalam pelaksanaan OACP:

- Laporan ringkas diselaraskan mengikut peringkat pelaksana pada setiap mesyuarat OACP mengikut bidang keutamaan
- Membentangkan laporan perkembangan dalam pelaksanaan OACP dalam Mesyuarat Pengurusan Kanan, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan dan Pengurusan Risiko ("BIRMC") dan Mesyuarat ALP

## Penilaian Pelaksanaan OACP

Pelan Tindakan dan Inisiatif OACP dinilai sekali pada hujung tahun. Namun yang demikian, ia tertakluk kepada keupayaan Jawatankuasa OACP dan Jabatan Integriti, Governans dan Pengurusan Risiko dalam melaksanakan inisiatif tersebut berdasarkan kepada perkembangan yang dilaporkan setiap kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa OACP. Menerusi laporan ini juga, pelaksana boleh mengemukakan masalah dan halangan yang perlu diatasi untuk tujuan penilaian semula dan dipersetujui di peringkat Jawatankuasa OACP.

Penilaian keseluruhan pencapaian pelan tindakan atau inisiatif perlu mengambil kira matlamat seperti berikut:




Budaya kerja yang berintegriti dalam memperkasa dan memperkukuhkan Governans, Integriti dan Antirasuah dikalangan warga kerja CSSB



Pelaksanaan tugas yang efektif dan efisien serta kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan



Saluran komunikasi dalaman dan luaran yang efektif dan efisien





**Penutup**



**CONCLUSION**

---



## *Penutup*

Kerajaan dalam usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan telah merangka satu pelan khusus iaitu Pelan Antirasuah Nasional (“NACP”) 2019-2023 bagi menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus di negara ini.

Bagi memperlihatkan komitmen CSSB dalam menyokong usaha kerajaan ini, CSSB membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (“OACP”) bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari 2024 hingga 2029. Pelan ini menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan pelan tindakan dan inisiatif-inisiatif OACP CSSB ini dapat dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan serta pelan ini juga akan sentiasa dikaji dan dikemaskini mengikut keperluan semasa dan keadaan persekitaran industri.

Secara kesimpulannya, pelan ini akan menjadi instrumen bagi membolehkan pengurusan kanan CSSB mengenalpasti pencapaian CSSB dalam usaha meningkatkan integriti dan antirasuah. Pelan ini juga diharapkan akan meminimumkan salah laku yang melibatkan integriti, governans dan rasuah di kalangan kakitangan Kumpulan Syarikat CSSB selain bagi mewujudkan suasana kerja yang mementingkan semangat berpasukan, harmoni, bermoral dan beretika.

Akhir sekali, diharapkan buku OACP ini dapat menjadi panduan dan rujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha memperkasa dan memantapkan integriti, governans dan antirasuah.



## *Apresiasi*

### **Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada :**

Tuan Azuan bin Adzhar

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

---

Pn. Mudirah binti Muhammad Nor  
En. Muhammad Aizat bin Kamarudin  
En. Meor Mohamed Mustaqim bin Mohamed Khairi  
En. Muhamad Hazwan bin Ismail

Jabatan Integriti dan Governans  
Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)

---

Ketua Pegawai Eksekutif  
Ketua-ketua Jabatan :  
Kewangan & Pelaburan  
Jualan, Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Pembangunan  
Pembangunan Perniagaan  
Sumber Manusia , Pentadbiran, IT & Undang-undang

Central Spectrum (M) Sdn Bhd

---

Pengurus Besar

Urbancubes Sdn Bhd

# *Jawatankuasa OACP CSSB*



**Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi**  
10 - 12 September 2024



**Jabatan Integriti, Governans & Pengurusan Risiko**

Central Spectrum (M) Sdn Bhd  
No. 7, Jalan Perigi Nanas 8/6  
Indah Point, Pulau Indah  
42920 Pelabuhan Klang, Selangor

T: +603 3101 2020

W: <https://www.centraispectrum.com.my>



OACP (2024 - 2029)